



**MAJLIS EKUIN MALAYSIA
(MALAYSIA EQUINE COUNCIL)**

PANDUAN

**PENJAGAAN DAN PENGURUSAN
KUDA
DI PUSAT-PUSAT MENUNGGANG
DAN
STESYEN REHAT**

1 TANGGUNGJAWAB SEORANG PENGURUS

1.1 Seorang pengurus pusat tunggangan atau stable penginapan adalah bertanggungjawab ke atas:

1.1.1 menyediakan prasarana-prasarana, peralatan, makanan/pemakanan, air, penyeliaan dan penjagaan yang mencukupi untuk memastikan kebajikan kuda senantiasa dijaga.

1.1.2 penyeliaan kakitangan, samada mereka bekerja sepenuh masa atau sambilan dan samada untuk upah atau ganjaran.

1.1.3 mengutip dan menyelenggarakan rekod-rekod yang relevan.

2 PENGINAPAN DAN PRASARANA UNTUK KUDA

2.1 Pusat-pusat tunggangan dan stable penginapan mesti ada bekalan air yang secukupnya dan ditempatkan jauh daripada tempat yang bising dan zon pencemaran yang boleh menyebabkan kecederaan atau tekanan pada kuda.

2.2 Kuda di dalam stable, di dalam kandang himpunan dan di dalam pedok-pedok seharusnya mempunyai perlindungan yang mencukupi daripada matahari, angin, hujan dan keadaan suhu ekstrem. Pokok-pokok teduhan, bumbung, adang angin dan hampan adalah diperlukan.

2.3 Kawasan lingkungan kuda mesti direka dan diselenggarakan untuk mengelak daripada kecederaan, penyakit, kecurian dan daripada kuda terlepas. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk mencapai tujuan ini termasuk perkara-perkara berikut :

- 2.3.1 Menyediakan kawasan lingkungan kuda dengan alat penutup yang selamat dan yang tidak boleh dibuka oleh kuda.
- 2.3.2 Menggunakan bahan pemagaran yang mudah dilihat oleh kuda.
- 2.3.3 Membina kandang himpunan kuda dengan tiang pagar dan selusur menggunakan balak, paip keluli atau tiang keluli. Kawat berduri, kawat pasang siap dan pagar ketegangan tinggi boleh mencederakan kuda dengan parah dan seharusnya cukup tinggi untuk mengelakkan kuda daripada terlepas.
- 2.3.4 Menyediakan lantai (untuk kandang, bangsal dan stabel) dengan permukaan yang membenarkan penyaliran yang secukupnya dan juga membenarkan kuda berdiri dan berjalan secara lazim.
- 2.3.5 Membina pintu sekurang-kurangnya 1.3m lebar ke stabel-stabel, kandang-kandang dan pedok-pedok. Pintu ayun mest membuka ke luar.
- 2.3.6 Gunakan stable yang berukuran sekurang-kurangnya 2.5m tinggi dengan kawasan lantai berukuran sekurang-kurangnya 12 meter persegi (untuk seekor kuda) ataupun 9 meter persegi (untuk seekor kuda padi).
- 2.3.7 Menyediakan alas stable yang bersesuaian yang bersih dan cukup tebal.
- 2.3.8 Memastikan stable-stable mempunyai pengudaraan yang cukup supaya bebas daripada kelembapan, beracun, berbau busuk dan drauf atau pancaran matahari yang terik.
- 2.3.9 Jikalau boleh tempatkan kuda di dalam persekitaran yang bebas daripada habuk.
- 2.3.10 Gunakan cahaya lampu yang semula jadi sebaik mungkin dan yang boleh digunakan untuk pemeriksaan teliti ke atas kuda (Kuda sepatutnya tidak didedahkan pada cahaya lampu buatan).

3 KEBERSIHAN

- 3.1 Stabel-stabel dan kandang-kandang mesti di dalam keadaan bersih dan pupuk mesti dikeluarkan sekurang-kurangnya sekali di dalam sehari.
- 3.2 Kawalan perosak (termasuk sengkenit, lalat, kutu, nyamuk dan rodensia) yang efektif mesti diusahakan – jika ketersediaan, di bawah penyeliaan professional.)
- 3.3 Pembuangan pupuk, alas stable, buangan makanan dan bangkai binatang mestilah cepat dan bersih.

4 PERALATAN

- 4.1 Kesemua peralata yang boleh mengafek keselamatan dan kebajikan kuda dan penunggang seharusnya di reka dan diselenggarakan untuk mengelakkan kecederaan dan penyakit.
- 4.2 Jangan gunakan pelana kuda yang menyentuh bahagian tengah tulang belakang kuda atau yang mempunyai alas pelana yang koyak ('broken trees')
- 4.3 Selimut pelana kuda seharusnya mempunyai lapik yang cukup dan bersih serta kering.
- 4.4 Peralatan tack seharusnya bersesuaian dan padan untu di pasang ke atas kuda yang digunakan.

5 MAKANAN DAN AIR

- 5.1 Kuda mesti mendapat makanan dan air yang bersesuaian serta cukup dari segi kuantiti untuk memastikan ianya berada di dalam keadaan sihatdengan keadaan badan yang baik.

- 5.2 Untuk mendapat nasihat tentang keperluan pemakanan yang spesifik anda boleh menghubungi doctor veterinar, pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan pensyarah di Jabatan Sains Penternakan di Universiti (JPH, UPM, Doktor Veterinar di Kelab Lumba Kuda)
- 5.3 Kuda memerlukan garam (dicampurkan pada permakanan atau didalam bentuk garam jilat) dan bekalan air yang tidak terputus serta bersih. Sebagai panduan, sebanyak 25-45L air diperlukan di dalam keadaan cuaca yang panas. Kuda betina memerlukan makanan dan air tambahan semasa ianya bunting dan semasa menyusukan anak.
- 5.4 Di mana terdapat pasture, penambahan pemakanan masih diperlukan dan kuda perlu diberi makan sekurang-kurangnya sekali di dalam sehari. Kuda perlu diberi makanan dua kali sehari jika kawasan pastura tiada.
- 5.5 Memberi makanan yang mempunyai kandungan bijirin yang tinggi pada kuda yang tidak boleh di tunggang dengan kerap boleh menyebabkan pertukaran temperamen yang boleh membahayakan penunggang.
- 5.6 Makanan sepatutnya bebas daripada pencemaran seperti kula, habuk, insektisid atau bahan-bahan lain yang toksik pada kuda.
- 5.7 Makanan seharusnya disimpan dengan cara yang paling praktik untuk mengelak daripada kerosakan (misalnya simpan jerami di dalam bekas yang kering dan tidak dimasuki rodensia dan simpan jerami rumput di kawasan yang kering dan di atas pelantar supaya ada edaran angin.)
- 5.8 Pastikan kuda boleh mencapai bekas makanan dan minum dengan mudah. Jika boleh, bekas-bekas tersebut sepatutnya di pasnag dengan kukuh, tidak toksik, mudah di bersihkan dan disimpan dengan bersih.
- 5.9 Sistem pengisian air secara automatic atau manual mesti di periksa setiap hari. Air perlu diberikan pada kuda secara berkala (dengan kerap) semasa berehat selepas ianya melakukan kerja.

6 PENJAGAAN KUDA

6.1 Sejauh mana yang boleh, kuda harus terlindung daripada tekanan atau kecederaan yang boleh disebabkan oleh kuda lain atau pengendalian yang tidak dikawal selia. Kaedah-kaedah yang harus digunakan untuk mencapai ini termasuk :

6.1.1 menyediakan ruang untuk setiap kuda yang berada di dalam kumpulan untuk mencapai makanan yang secukupnya (misalnya bekas makanan yang berasingan untuk setiap ekor kuda, dan diletakan sekurang-kurangnya 4m jarak di antara satu sama lain).

6.1.2 jika perlu asingkan jantan muda, stallion, anak sapih, kuda yang bunting dan yang sakit daripada kumpulan lain.

6.1.3 menyediakan penyeliaan yang secukupnya untuk kuda di dalam stable, di dalam kandang himpuanan kuda dan sejauh mana yang boleh semasa di tunggang.

6.2 Kuda mesti bersesuaian dari segi saiz, konformasi, perangai dan keafiatan, dan mempunyai pendidikan yang secukupnya untuk tujuan digunakan.

6.3 Kuda yang tidak boleh digunakan untuk tunggangan di pusat-pusat tunggangan adalah terdiri daripada :

6.3.1 Kuda yang berumur di bawah 3 tahun.

6.3.2 Kuda yang keadaan badan yang kurang memuaskan

6.3.3 kuda betina yang bungting dengan kandungan lebih daripada 8 bulan, atau yang baru melahirkan anak (kurang daripada 3 bulan).

6.3.4 kuda yang diketahui atau disyaki tercedera atau sakit, kecuali dibenarkan oleh doctor veterinar.

- 6.4 Kuda seharusnya didandan sebelum dipasangkan pelana; dan penjagaan khusus perlu dibuat untuk mengesat peluh dan kotoran daripada kawasan di bawah pelanan, pelilit dan bridle.
- 6.5 Sejauh manayang boleh kuda seharusnya ditunggang secara terkawal dan pada tahap kelajuan yang selamat untuk kuda dan penunggang, dengan mengambil kira permukaan, cuaca dan juga pengalaman penunggang.
- 6.6 Kuda seharusnya tidak dikerjakan dengan berlebihan. Kuda yang menunjukkan keletihan dan kesengsaraan perlu direhatkan dengan serta merta dan seorang doctor veterinar dipanggil untuk memeriksa kuda tersebut.
- 6.7 Kuda yang senantiasa disimpan di dalam stable seharusnya dibawa bersenam sekurang-kurangnya sekali di dalam sehari. Ini boleh dilakukan dengan menunggang, lungeing atau melepaskannya ke dalam kandang yang luas selama sejam di dalam sehari. Kuda yang di simpan di dalam stable untuk jangka masa yang panjang mesti direhatkan di sebuah stesyen rehat di luar, sekurang-kurangnya sekali di dalam setahun.
- 6.8 Adalah baik untuk merehatkan kuda bersesuaian dengan beban kerja.
- 6.9 Kebosanan boleh menjadikan maslaah untuk kuda yang senantiasa disimpan di dalam stable, dan boleh mengakibatkan perangai buruk terbentuk.
- 6.10 Selepas kuda digunakan, dan sebelum kuda di simpan di dalam stable ianya mesti dibersihkan dengan air, dilap atau diberus untuk mengeluarn peluh kotoran.
- 6.11 Kuda seharusnya tiak dibiarkan basah selepas ianya digunakan.
- 6.12 Tingkatkan beban kerja secara beransur-ansur untuk kuda yang baru atau yang baru kembali selepas direhatkan.
- 6.13 Kuda sepatutnya di ikat dengan menggunakan ren yang di pasang pada bit kecuali jika alat ini ada simpulan yang boleh dilepaskan dengan mudah.

- 6.14 Cemeti dan taji sepatutnya hanya digunakan sebagai bantuan latihan oleh penunggang yang berpengalaman. Penggunaan taji dengan cepir berputar adalah menyalahi undang-undang.

7 PENJAGAAN KESIHATAN

- 7.1 Status kesihatan dan keselesaan setiap kuda perlu di periksa sekurang-kurangnya sekali di dalam sehari. Sejauh mana yang mungkin, periksa semada kuda tersebut :

7.1.1 kelihatan normal

7.1.2 makan, minum, berak, kencing, berperangai dan bergerak secara normal

- 7.2 Jika tanda-tanda penyakit atau kecederaan dilihat, rawatan yang bersesuaian perlu di berikan dengan segera untuk melindungi kesihatan kuda yang berkenaan dan untuk mengawal penyebara penyakit.

- 7.3 Tanda-tanda sakit atau kecederaan yang memerlukan bantuan rawatan veterinary adalah :

7.3.1 rembesan nasum

7.3.2 radangan atau rembesan daripada mata

7.3.3 batuk

7.3.4 pernafasan yang dipaksa-paksakan

7.3.5 tempang

7.3.6 tidak boleh atau tidak mahu berdiri atau berjalan

- 7.3.7 sawan atau terhuyung-hayang
 - 7.3.8 cirit-birit yang teruk
 - 7.3.9 pendarahan, bengkak atau bahagian badan yang ulseratif
 - 7.3.10 penurunan berat badan yang tidak dapat diterangkan
 - 7.3.11 kesakitan yang ketara
 - 7.3.12 Tidak dapat berak atau kencing
 - 7.3.13 Menggulingkan badan berulang kali atau berterusan, mencakar, menendang kearah abdomen atau berpeluh
 - 7.3.14 Selera makan kurang memuaskan
 - 7.3.15 Makanan tercicir semasa makan atau susah mengunyah
 - 7.3.16 Kesengsaraan yang keterlaluan semasa bekerja
 - 7.3.17 Menggaru dengan keterlaluan atau kehilangan bulu.
- 7.4 Jikalau perlu, kuda yang sakit disimpan di dalam stable, dipisahkan atau diasingkan dan prasarana yang bersesuaian mesti diadakan untuk penjagaannya.

7.5 Kotak pertolongan cemas untuk kuda harus dibawa bersama apabila kuda ditunggang jika kawasan yang terpencil di mana rawatan veterinary yang segera tidak dapat diberikan jika kuda tercedera atau sakit. Kotak ini perlu mengandungi :

7.5.1 kapas

7.5.2 Balutan

7.5.3 Elastoplast

7.5.4 Pencuci antibacterial

7.5.5 Bahan pengusir lalat

Anda juga perlu mendapatkan khidmat nasihat tentang kaedah pertolongan cemas sebelum berlepas.

7.6 Kuda perlu disuntik dengan vaksin terhadap penyakit tetanus sekali setiap tahun.

7.7 Kesemua kuda pertandingan harus diberikan vaksin terhadap penyakit Ensefalitis Jepun (JE) dan Equine Influenza (EI) setiap tahun.

7.8 Program untuk mengawal parasite dalaman harus diadakan dengan nasihat daripada seorang doctor veterinary. Untuk membantu mengawal parasite :

7.8.1 pemantauan dengan kerap untuk memastikan samaada jangkitan berlaku dan merawat apabila perlu.

7.8.2 rehatkan pedok

7.8.3 keluarkan/bersihkan pupuk

7.9 Gigi kuda mesti diperiksa dan dikikir jika perlu setiap 12 bulan

7.10 Tapak kuda harus :

7.10.1 diladam jika kuda digunakan di atas jalanraya atau di atas permukaan yang keras.

7.10.2 dipangkas atau diladam oleh tukang ladam (sebaik-baiknya setiap 6-8 minggu sekali)

7.10.3 dibersihkan dengan kerap

7.11 Parasit luaran harus dikawal dengan nasihat doctor veterinar

7.12 Apabila rawatan untuk memulihkan kesihatan atau kecederaan tidak terlaksana, tidak praktik atau tidak Berjaya maka kuda tersebut perlu di musnahkan secara berkemanusiaan oleh seorang doctor veterinary; atau jika ini tidak mungkin oleh seorang yang berpengalaman di dalam kaedah-kaedah sebegini. Apabila kuda di simpan di sesebuah stable penginapan, makan pemilik kuda perlu menandatangani surat kebenaran untuk kuda tersebut di musnahkan di dalam keadaan kecemasan.

8 PENGANGKUTAN

8.1 Apabila mengendalikan pengangkutan kuda, jika boleh kuda harus :

8.1.1 diangkut dan masa perjalanannya yang diambil adalah yang terpendek mungkin

8.1.2 diaturkan di dalam kurungan yang terpisah di antara satu sama lain.

8.1.3 dikekang dengan selamat dengan menggunakan halter (jika kuda boleh dibimbing dan diikat) dan tali diikat dengan selamat pada kenderaan atau kandang dengan ikatan yang mudah lepas.

8.2 Kuda yang sakit atau tempang hanya boleh diangkut untuk :

- 8.2.1 tujuan rawata veterinary
- 8.2.2 disembelih, di mana pangangkutan tidak akan menyebabkan kesakitan atau kesengsaraan
- 8.3 Jika boleh, kuda yang bunting dengan kandungan lebih daripada 8 bulan tidak harus diangkut.
- 8.4 Apa-apa kenderaan yang direka khas atau yang lazim digunakan untuk tujuan pengangkutan harus :
 - 8.4.1 melindungi kuda daripada kecederaan
 - 8.4.2 mempunyai lantai yang tidak licin
 - 8.4.3 menyediakan akses yang mudah dan selamat untuk pengendali
 - 8.4.4 melindungi kuda daripada suhi yang keterlaluan
 - 8.4.5 mempunyai pengudaraan yang secukupnya
 - 8.4.6 mudah dibersihkan
 - 8.4.7 disimpan dengan bersih-dibersihkan dengan wap dan jika boleh dinyah kuman.

9 KESELAMATAN DARIPADA KEBAKARAN

- 9.1 Kakitangan harus ada akses yang mudah untuk peralatan mengawal kebakaran. Mereka mesti dilatih dan menjalani latihan di dalam menggunakan peralatan tersebut.
- 9.2 Apa-apa kaedah keselamatan mesti membenarkan akses mudah pada kuda dan untuk

tujuan pemindahan cepat kakitangan dan kuda di dalam sesuatu keadaan kecemasan.

9.3 Tindakan berjaga perkara-jaga untuk mempertingkatkan keselamatan daripda

kebakaran harus meliputi perkara-perkara berikut :

9.3.1 cukup pintu keluar untuk kuda (lebih kurang satu pintu keluar untuk lima stable)

9.3.2 pintu keluar yang cukup luas (sekurang-kurangnya 1.3m untuk pintu stable dan 2m untuk lorong pintu keluar)

9.3.3 gulungan hos kebakaran yang cukup panjang dan sampai ke semua stable

9.3.4 tekanan air yang mencukupi

9.3.5 hos kebakaran dengan ruang lubang yang cukup lebar

9.3.6 menyimpan makanan dan alas stabel yang mudah terbakar di kawasan yang terpisah daripada stabel.

9.3.7 Pintu stabel gelongsor yang tidak menghalang koridor

9.3.8 Pengesen asap di dalam bangunan yang tertutup

9.3.9 Tanda 'dilarang merokok' di kawasan stabel

9.3.10 Polisi tidak merokok di kawasan stabel yang dikuatkuasakan.

10 PENYIMPANAN REKOD

10.1 Rekod-rekod yang bersesuaian pierlu disimpan untuk setiap kuda, sebagai sebahagian

daripda pengurusan perniagaan yang baik dan bertujuan untuk program kesihatan

gerompok.

11 KAKITANGAN

- 11.1 Kakitangan harus menyayangi kuda dan mempunyai pengalaman di dalam mengendalikannya.
- 11.2 Kakitangan harus sear tentang tanggungjawab mereka dan cekap untuk menjalankan kerja-kerja tersebut.
- 11.3 Latihan rasmi, seperti kelayakan daripada MEM/JPH/UPM/kolej TAFE di dalam bidang pengurusan kuda adalah bermanfaat.
- 11.4 Bilangan kakitangan yang perlu disediakan untuk menyelia sekumpulan penunggang adalah pada nisbah satu kakitangan untuk sepuluh orang penunggang.

12 NASIHAT PADA STESYEN RIHAT YANG DILULUSKAN OLEH MRA

- 12.1 Timbang kuda sebelum ianya diangkut ke lading.
- 12.2 Catatkan segala kecederaan dan keadaan kuda apabila tiba di ladang.
- 12.3 Perolehi paspot kuda untuk kekalkan tahap pemvaksinan dan untuk tujuan pengenalan kuda.
- 12.4 Adakan perjanjian dengan pemilik atau agen kuda untuk memberi kebenaran bagi memusnahkan kuda secara euthanasia di dalam keadaan kecemasan.

- 12.5 Tanya kepada jurulatih kuda tentang keperluan-keperluan khas, seperti :
- 12.5.1 meladam kuda mengikut jadual
 - 12.5.2 untuk meningkatka/mengurangkan berat badan
 - 12.5.3 program latihan/senaman
- 12.6 Berjaga-jaga untuk keadaan anhidroses-adakan stabel yang mempunyai hawa dingin
- 12.7 Kekalkan piawaian kelulusan MRA terutama mengenai pengawalan nyamuk/lalat/penjagaan kebersihan/penyediaan perkhidmatan veterinary.

Singkatan-singkatan

- JPH - Jabatan Perkhidmat Haiwan**
- MEM - Majlis Ekuin Malaysia**
- MRA - Malayan Racing Association**
- LTKN - Ladang Ternakan Kuda**
- UPM - Universiti Putra Malaysia**
(Jabatan Sains Penternakan, Fakulti Pertanian)
(Fakulti Perubatan Veterinar)
- TAFE - Tertiary and Further Education**